

HARI LELUARGA KELAB PERHOTELAN



S uasana hening dan derasan air Sungai Kialu menjadi lokasi menarik bagi kira-kira 150 pelajar-pelajar Kelab Perhotelan (HE08) mengadakan program Hari Keluarga 2010. Walaupun hujan menyambut kedatangan rombongan pelajar yang hadir dengan 3 buah bas, namun ini tidak mematahkan semangat para-pelajar meneruskan program yang telah dirancangkan sejak di awal semester. Aktiviti dimulakan sebaik sahaja hujan berhenti dengan pelbagai acara

sukaneka dan permainan yang bertujuan mewujudkan persefahaman dan berkenalan sesama rakan sepengajian. Program tersebut turut dimeriahkan dengan kehadiran, Ketua Program Perhotelan, Puan Izyanti Awg Razli serta beberapa orang pensyarah program HE08. Menurut Pengarah Program, saudari Marina Michelle Bujap, program tahunan ini menjadi wadah terbaik bagi merapatkan hubungan sesama pelajar-pelajar khususnya pelajar-pelajar junior –senior program perhotelan. Hadiah-hadiah telah disampaikan di akhir program berlangsung. Salah seorang pelajar yang turut serta dalam program yang ditemui menyatakan keseronokan dapat menyertai hari keluarga tersebut selain dapat mengenali serba sedikit rakan-rakan sesama program yang lain dengan lebih rapat lagi. Program Hari Keluarga tersebut berakhir kira-kira pukul 3 petang tatkala hujan renyai-renyai mulai turun.

